

Rakyat kena bersama jayakan TMM2020

BH
- 2/11/2020
m/s: 2

Misi nasional pikat 30 juta pelancong, kutip RM100 bilion pendapatan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu seluruh rakyat menerima Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM2020) sebagai misi nasional dan memainkan peranan masing-masing bagi menjayakannya.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu bersama-sama memainkan peranan supaya sasaran menarik kedatangan 30 juta pelancong antarabangsa dan RM100 bilion pendapatan pelancongan, dapat diraih.

Beliau turut mengajak segenap lapisan masyarakat di Malaysia 'merebut' peluang yang berupaya dimanfaatkan dalam industri pelancongan kerana ia terus melakar pertumbuhan memberangsangkan saban tahun.

Bersandarkan statistik semasa, katanya, prestasi industri pelancongan Malaysia untuk Januari hingga September 2019 menyak-

sikan kesan amat menggalakkan apabila ketibaan warga asing meningkat 3.7 peratus kepada 20.11 juta orang berbanding 19.39 juta orang bagi tempoh sama 2018.

Perbelanjaan pelancong asing untuk Januari hingga September 2019 pula, menunjukkan peningkatan 6.9 peratus, iaitu sebanyak RM66.14 bilion berbanding RM61.85 bilion bagi tempoh sama pada 2018.

"Kesan limpahan daripada industri pelancongan amat menyeluruh dan rakyat boleh memilih untuk menceburinya mengikut keupayaan, kreativiti dan cita rasa diri masing-masing," katanya pada sambutan Ambang 2020 serta melancarkan kempen Perdana TMM2020 di Dataran Merdeka, di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohammadin Ketapi.

Melangkah ke 2020, Dr Mahathir berharap kehadiran tahun baharu dapat memberi nikmat dan kemakmuran yang lebih kepada semua rakyat dan negara berbanding 2019 yang ditinggalkan dengan pelbagai kenangan pahit dan manis.

Tegasnya, walaupun terdapat debaran dan sedikit kerisauan jika berlaku sesuatu di luar jang-



Dr Mahathir melancarkan kempen Perdana TMM2020 sambil disaksikan Dr Wan Azizah, Mohamaddin dan Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad (kanan) pada sambutan Ambang 2020 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, malam kelmarin.

(Foto Aswadi Alias/BH)

kaan yang mungkin merugikan dan menyusahkan, rata-rata rakyat perlu yakin bahawa usaha yang disemai pada 2019 akan mampu membuah hasil pada tahun berikutnya.

"Kerajaan sedar sepanjang 2019

Saya mengajak segenap lapisan masyarakat 'merebut' peluang dalam industri pelancongan kerana ia melakar pertumbuhan memberangsangkan saban tahun.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

ada beberapa isu yang menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat, dan kita akur dan peka dengan suara-suara itu dan usaha memajukan negara ini tetap berterusan dan kekal sebagai satu amanah tanggungan kerajaan hari ini," katanya.

Tegasnya, tekad memburu kejayaan diri sendiri adalah mencukupi untuk dijadikan azam tahun baharu, berbanding bergelut memikirkan sasaran yang berkeungkinan sukar untuk dicapai.

"Kejayaan setiap daripada kita akan menyumbang kepada kejayaan negara, sebaliknya kejayaan negara tetap memberi nikmat kepada setiap orang," katanya.

Perdana Menteri berkata, 2020 agak signifikan baginya kerana melancarkan Wawasan 2020 dengan sasaran negara mencapai tahap

negara maju.

"Tetapi, kerana beberapa pendekatan beberapa tahun lalu yang diambil pemimpin kerajaan (Perdana Menteri) kelima dan keenam, wawasan itu tidak dapat dicapai pada tahun ini dan kita perlu lanjutkan tempoh itu selama 10 tahun lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata, pelan tindakan negara baharu, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) meletakkan sasaran pada 2030 nanti, negara akan mencapai apa yang diharapkan untuk dicapai pada 2020.

Bagaimanapun, katanya walaupun wawasan ini disasarkan untuk dicapai pada 2030, ia hanya akan berjaya jika usaha ke arahnya dimulakan dari sekarang, selain rakyat menyambut dan melaksanakan cara yang diperkenalkan kerajaan.